



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

**PROJEK LINTASAN PEJALAN KAKI SEARAS BERLAMPU ISYARAT (LPKSI)
TINGKATKAN KESELAMATAN PEJALAN KAKI DI SEKOLAH JENIS
KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG GADONG, KUALA LANGAT, SELANGOR**

Kuala Langat, Selangor - YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya telah merasmikan dan seterusnya mengaktifkan Projek Lintasan Pejalan Kaki Searas Berlampu Isyarat (LPKSI) berdekatan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Gadong, Kuala Langat, Selangor.

Projek lintasan pejalan kaki ini merupakan inisiatif kerjasama strategik antara Kementerian Kerja Raya (KKR) dan *World Health Organization* (WHO) di bawah program *Bloomberg Philanthropies Initiative for Global Road Safety* (BIGRS) dengan kos berjumlah RM700 ribu.

LPKSI adalah salah satu Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya iaitu salah satu Program Induk Kementerian Kerja Raya yang dilaksanakan setiap tahun bagi mengukuhkan Keselamatan Jalan Raya Malaysia terutama Jalan Persekutuan dan Lebuhraya yang terletak dalam seliaan KKR.

Projek ini dibina untuk meningkatkan keselamatan murid, guru dan komuniti setempat ketika melintas jalan utama. Kerjasama strategik dengan WHO di bawah program BIGRS telah berjalan sejak 2024 dan pemasangan LPKSI di SJK (T) Ladang Gadong ini merupakan projek rintis (*pilot project*) yang pertama.

Kerjasama strategik ini tidak akan terhad sekadar pembinaan infrastruktur tetapi sedang dalam perancangan untuk dikembangkan meliputi perkongsian data kemalangan melalui sistem *Road Accident Management System* (RAMS) serta pelaksanaan kempen kesedaran awam menggunakan platform media WHO bagi meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap kepentingan keselamatan jalan raya.

Bagi tahun 2025 sahaja, sebanyak RM80 juta telah diperuntukkan dan

digunakan sepenuhnya untuk keselamatan dan keselesaan pemanduan pengguna jalan raya merangkumi:

- **rawatan di 90 kawasan** yang sering berlaku kemalangan;
- **pemasangan lampu jalan baharu di 257** di kawasan kemalangan atau berisiko kemalangan akibat jalan gelap;
- **pemasangan 16 lampu isyarat** di persimpangan berlaku kemalangan;
- **pembinaan 4 jejantas** pejalan kaki di seluruh negara; serta
- **pembinaan 35 lintasan pejalan kaki searas berlampu isyarat (LPKSI)** seperti projek yang akan dirasmikan hari ini.

Sejak tahun 2018 sehingga kini, sebanyak **153 buah LPKSI** telah dibina dan telah digunakan oleh rakyat di seluruh negara melalui program ini. Usaha-usaha ini dilaksanakan oleh KKR bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi menyokong sasaran KPI iaitu **mengurangkan kadar kematian akibat kemalangan jalan raya sebanyak 50 peratus menjelang tahun 2030**, selaras dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2022–2030 yang ditetapkan oleh Kementerian Pengangkutan (MOT).

Setiap tahun dilaporkan kematian akibat kemalangan jalan raya mencecah sehingga 6,000 mangsa. Kita sebenarnya masih jauh dari mencapai sasaran yang ditetapkan. Inilah kesedaran yang ingin diterapkan dalam masyarakat dan maklumat begini harus dikongsi seluas-luasnya agar tanggungjawab menjaga keselamatan dikongsi bersama oleh semua peringkat.

#Tamat#

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA

26 November 2025

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#Jalankitatanggunjawabkita
#KerajaanMADANI
#MADANIBekerja